

Pengaruh Dialek Kelantan dalam Pembelajaran Bahasa Melayu di Sekolah Menengah

(*Influence of Kelantan Dialect in the Learning Malay Language in Secondary School*)

¹NUR ELIANA MUHAMAD & ²NUR FARAHKHANNA MOHD RUSLI

^{1,2}Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak, Malaysia.

nurelianamuhamad@gmail.com & farahkhanna@fbk.upsi.edu.my

Dihantar: 04 September 2023 / Diterima: 14 September 2024

Koresponden e-mel: farahkhanna@fbk.upsi.edu.my

ABSTRAK: Makalah ini bertujuan untuk mengenal pasti kosa kata dialek Kelantan yang dituturkan oleh murid dalam pembelajaran bahasa Melayu berdasarkan perubahan fonologi dan menghuraikan faktor yang mempengaruhi penggunaan dialek Kelantan dalam kalangan murid sekolah menengah. Seramai lapan orang murid Tingkatan 3 di SMK Sultan Ibrahim Dua (2) telah dipilih sebagai responden. Kajian ini merupakan kajian tinjauan berbentuk kualitatif dan kuantitatif. Kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan dan pemerhatian dalam proses pengumpulan data dengan melibatkan instrumen seperti alat perakam dan borang soal selidik. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat tujuh perubahan fonologi yang berlaku terhadap kosa kata dialek Kelantan yang dituturkan oleh murid dalam pembelajaran bahasa Melayu melibatkan perubahan vokal /a/ kepada [ɔ] di akhir kata, perubahan vokal /a/ kepada vokal [ɛ] di akhir kata, pengguguran konsonan /r/, pengguguran nasal di akhir kata, perubahan konsonan /s/ kepada konsonan [h] di akhir kata, perubahan konsonan /p, t, k/ kepada [?] di akhir kata dan perubahan kata. Hasil kajian juga menunjukkan faktor keselesaan berkomunikasi, faktor keyakinan dan masalah penguasaan bahasa Melayu Standard mempengaruhi penggunaan dialek Kelantan dalam kalangan murid di sekolah menengah. Implikasinya, kajian ini dapat mengetengahkan kepentingan penggunaan bahasa Melayu Standard dan penggunaan dialek mengikut konteks dan situasi yang bersesuaian dalam komunikasi lisan.

Kata Kunci: Pengaruh, Dialek Kelantan, Pembelajaran Bahasa Melayu, Sekolah Menengah, Perubahan Fonologi

ABSTRACT: This paper aims to identify the vocabulary of Kelantan dialect spoken by students in learning Malay Language based on phonological changes and describe the factors that influences the use of the Kelantan dialect among students. Eight form 3 students from SMK Sultan Ibrahim Dua (2) was chosen as respondent. This is a qualitative and quantitative study. This study used library and observational methods to collect data by using voice recorder and questionnaires as the instruments. There are seven phonological changes that occur to the vocabulary of Kelantan dialect spoken by students in learning Malay Language, which involves the change of the vowel /a/ to [ɔ] at the end of the word, change of the vowel /a/ to the vowel [ɛ] at the end of the word, dropping the consonant /r/, dropping the nasal at the end of the word, changing the consonant /s/ to the consonant [h] at word endings, consonant changes /p, t, k/ to [?] at the end of words and word changes. Also the result of the study show that communicating comfort factors, confidence and problems in the mastery of the standard Malay Language influence the usage of Kelantan dialect among students in secondary schools. The implication in this study highlight the important of using Standard Malay and the use of dialects according to the appropriate context in oral communication.

Keywords: Influence, Kelantan Dialect, Malay Language Learning, Secondary School, Phonological Changes

PENGENALAN

Bahasa menjadi alat komunikasi penting dalam kehidupan sehari-hari manusia. Manusia menggunakan bahasa untuk menyampaikan mesej dan mewujudkan hubungan antara satu sama lain. Penggunaan bahasa yang baik dan betul penting untuk mewujudkan komunikasi yang berkesan. Bahasa mula tersebar apabila berlakunya pertembungan antara bahasa dan budaya. Pertembungan tersebut telah menyebabkan kewujudan dialek yang berbeza-beza di setiap negeri. Menurut Sapura (2011), bahasa terdiri daripada sekumpulan atau sekelompok dialek. Berdasarkan ciri-ciri linguistik, iaitu sama ada dari segi fonologi, morfologi, dan sintaksis, terbukti bahawa dialek dalam sesuatu bahasa mempunyai persamaan dan perbezaan antara satu sama lain (Asmah 2008). Persamaan ini boleh dihasilkan oleh gejala pengaruh-mempengaruhi antara dialek atau antara sub-dialek setelah berpisah daripada induk atau dialek induk. Perbezaan pula menunjukkan mereka telah mengalami perkembangan secara tersendiri dan mereka telah terpisah daripada dialek-dialek lain.

Dialek merupakan satu kelainan sesuatu bahasa disebabkan adanya batasan atau halangan dari segi geografi sesuatu bahagian. Menurut Noor Rohana et al. (2017), dialek merupakan variasi daripada sesuatu bahasa tertentu yang dituturkan oleh sekelompok penutur dalam satu-satu masyarakat bahasa. Dialek juga mempunyai bentuk tertentu, dituturkan di kawasan tertentu dan berbeza daripada bahasa Melayu standard dari segi tatabahasa, sebutan, dan penggunaan kata-kata tertentu tetapi perbezaannya tidaklah begitu ketara untuk dianggap sebagai satu bahasa yang lain. Menurut Mohd Khairid (2013), dialek tidak terikat secara *rigid* kepada tatabahasa dan kebiasaannya digunakan dalam konteks yang tidak rasmi.

Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan kemunculan dialek antaranya geografi, penjajahan, politik, perdagangan, dan peredaran masa. Malaysia mempunyai pelbagai dialek disebabkan faktor-faktor tersebut (Noor Rohana et al. 2017). Tambahan pula, keadaan alam semula jadi yang terdiri daripada bukit bukau, gunung-ganang, hutan rimba dan sungai telah menjadi rintangan kepada perhubungan antara penduduk pada zaman dahulu. Keadaan ini menyebabkan masyarakat mengalami pengasingan dari segi komunikasi, budaya dan gaya hidup. Seterusnya, pemisahan komunikasi dan interaksi sosial antara masyarakat tersebut

menyebabkan terhasilnya cara pertuturan, gaya hidup, dan budaya hidup yang berbeza-beza. Hal ini telah menyebabkan kemunculan pelbagai dialek di Semenanjung Malaysia seperti dialek Perlis, dialek Kedah, dialek Pinang, dialek Perak, dialek Negeri Sembilan, dialek Melaka, dialek Terengganu dan dialek Kelantan.

Menurut Nur Fatehah dan Nur Farakhanna (2021), dialek Kelantan merupakan dialek yang dituturkan oleh penduduk yang tinggal di negeri Kelantan. Negeri Kelantan terletak di Semenanjung Malaysia dan bersempadan dengan Thailand. Negeri Kelantan mempunyai sebelas buah jajahan, iaitu jajahan Kota Bharu, Pasir Mas, Pasir Putih, Tumpat, Bachok, Kuala Krai, Machang, Tanah Merah, Jeli, Gua Musang dan Jajahan Kecil Lojing. Negeri Kelantan terletak di Pantai Timur Semenanjung Malaysia bersempadan dengan negeri Terengganu, Pahang dan Negara Thailand di sebelah Utara. Penduduk di negeri Kelantan terdiri daripada kaum Melayu, India, Cina dan Siam. Kebanyakan penduduk Kelantan terdiri daripada petani yang tinggal di kawasan pertanian. Ahli perniagaan dan pegawai kerajaan pula tinggal di bandar, manakala nelayan tinggal di tepi pantai.

Menurut Azrizan dan Karim (2019), masyarakat Kelantan mempunyai dialek yang sangat unik berbanding dialek negeri lain kerana penggunaan kata-katanya berbeza dengan bahasa Melayu standard. Bagi masyarakat Kelantan, dialek merupakan elemen utama dalam proses membina semangat kenegerian dan seterusnya mengekalkan identiti diri sebagai orang Kelantan (Azrizan & Karim 2015). Bagi dialek Kelantan, sebahagian perkatannya mempunyai makna tersendiri dan berbeza maknanya dengan makna yang ditanggapi dalam dialek lain hingga Nik Safiah dan Rozita (2016) berpendapat penutur dialek lain sukar memahami sebahagian kata dalam dialek Kelantan.

Bahasa bahkan dialek merupakan alat komunikasi penting dalam kehidupan sehari-hari manusia. Kini, penggunaan bahasa Melayu dalam komunikasi telah dipengaruhi oleh penggunaan dialek negeri dan dialek daerah yang amat ketara. Pengaruh dialek ini digunakan secara meluas termasuklah oleh murid di sekolah menengah terutama dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) bahasa Melayu. Hal ini seperti yang dijelaskan oleh Nuradlin Syarini dan Zaleha (2020) bahawa penggunaan dialek Kelantan

digunakan secara meluas oleh murid di sekolah menengah terutamanya dalam proses PdP mata pelajaran Bahasa Melayu. Pada dasarnya, keadaan ini telah memberi kesan negatif terhadap penguasaan lisan bahasa Melayu murid sekolah. Mohammad Shahrul Nizam dan Muhammad Zaid (2018) menyatakan bahawa bertutur dalam dialek dapat mewujudkan suasana kemesraan. Namun demikian, penggunaan dialek ini menimbulkan kesukaran kepada penutur lain untuk memahaminya kerana tidak semua penutur dapat memahami ujaran yang dituturkan menggunakan dialek Kelantan dengan baik.

Penggunaan dialek boleh menyebabkan murid tidak dapat mengaplikasikan bahasa Melayu dengan betul. Hal ini seiring dengan

kenyataan Salinah (2015) yang mengatakan bahawa terdapat ramai murid yang mendapat keputusan yang cemerlang dalam subjek Bahasa Malaysia, tetapi mereka gagal berkomunikasi dengan baik kerana gangguan dialek. Oleh yang demikian, kajian ini dilakukan untuk mengetengahkan kepentingan penggunaan bahasa Melayu yang betul dan tepat khususnya untuk tujuan PdP, selain membantu murid membezakan penggunaan dialek mengikut konteks dan situasi yang sesuai. Hal ini penting supaya dialek yang sering dituturkan tidak menjelaskan pencapaian akademik terutama bagi mata pelajaran bahasa Melayu itu sendiri.

PERNYATAAN MASALAH

Pengaruh dialek Kelantan dalam kalangan murid semasa dalam proses pembelajaran bahasa Melayu tidak seharusnya dipandang ringan kerana perkara ini boleh mempengaruhi penguasaan bahasa Melayu Standard murid sama ada dari segi lisan mahupun tulisan. Seperti yang dijelaskan oleh Nuradlin Syafini dan Zaleha (2020) dalam kajian mereka mendapati murid menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dan menjadikan dialek Kelantan sebagai bahasa pertama ketika dalam proses PdP bahasa Melayu. Keadaan ini menunjukkan murid Kelantan lebih mementingkan penggunaan dialek Kelantan berbanding bahasa Melayu standard walaupun dalam konteks situasi formal. Jika situasi ini tidak dibendung, maka kecenderungan penggunaan ragam bahasa rojak dalam komunikasi akan berlaku, iaitu apabila murid berkomunikasi dengan menggunakan bahasa Melayu yang dicampur dengan penggunaan dialek contohnya data seperti dalam kajian pengkaji tersebut, iaitu “Awak boleh *kecek KL?*” dan “Awok lagi selesa cikgu ajar *dale Kelate ko* bahasa KL?”. Perkara ini dikhawatir boleh menjelaskan pencapaian akademik murid jika pentaksiran secara lisan dan tulisan dijalankan kelak kerana risiko penggunaan kedua-dua ragam tersebut dalam penulisan karangan misalnya bukan sahaja boleh menjelaskan kualiti penulisan yang dihasilkan, malah menjelaskan markah akademik murid itu sendiri.

Seterusnya, dalam kajian Siti Rahimah et al. (2017) mendapati murid di sekolah menengah gemar menggunakan dialek Kelantan dalam komunikasi sehari-hari kerana

ia memudahkan komunikasi. Sungguh pun demikian, ia hanya berlaku dalam kelompok mereka sendiri sahaja, iaitu penutur yang menggunakan dialek Kelantan. Komunikasi dua hala antara murid akan menjadi sukar apabila mereka bertutur dengan penutur bukan berasal dari Kelantan kerana mereka sukar memahami makna perkataan yang dituturkan oleh murid yang berasal dari Kelantan.

Penutur dialek Kelantan kebiasaannya adalah antara pengguna dialek yang pekat dan mempunyai jati diri yang kuat sehingga menyukarkan mereka menggunakan bahasa Melayu dengan baik. Apabila situasi ini berlaku, maka komunikasi lisan murid khususnya adalah tidak betul dan tepat kerana ujaran yang dituturkan sedikit sebanyak akan dipengaruhi oleh sebutan dialek itu sendiri kerana kebiasaan yang dilakukan sebelum ini.

Bukan itu sahaja penggunaan dialek yang terlalu dominan juga boleh menyebabkan murid kurang keyakinan diri untuk bercakap dalam bahasa Melayu dengan baik. Keadaan ini akan menjelaskan masa depan murid untuk berhadapan dengan pelbagai cabaran di alam pekerjaan kelak. Perkara ini selaras dengan pendapat Pramela Krish et al. (2014) yang mengatakan bahawa murid yang menggunakan dialek yang pekat cenderung berhadapan dengan cabaran dari segi komunikasi pada masa masa akan datang.

Tambah Pramela et al. (2014) lagi, antara masalah yang bakal dihadapi oleh penutur yang sukar mengubah gaya ujaran mereka dan hanya terikat dengan pertuturan berdasarkan dialek sahaja adalah masalah

ketika melanjutkan pengajian di universiti, serta masalah ketika berurusan untuk temu duga pekerjaan kelak. Hal ini jelas terbukti berdasarkan data temu bual guru daripada dapatan kajian Nuradlin Syafini dan Zaleha (2020) yang menyatakan bahawa kemahiran komunikasi berbahasa Melayu dengan baik boleh dibentuk jika murid itu sendiri mahu memperbaiki kemahiran berbahasa Melayu mereka. Namun, jika perubahan tidak dilakukan, rasa tidak yakin kepada diri sendiri dan rasa malu kerana tidak dapat bertutur menggunakan bahasa Melayu dengan baik akan menyukarkan mereka apabila berada di alam universiti kerana melibatkan jaringan komunikasi yang lebih luas dengan semua pihak.

Faktor guru yang cenderung menggunakan dialek Kelantan semasa mengajar di sekolah juga telah mendorong murid menjadi lebih selesa menggunakan dialek dalam proses PdP bahasa Melayu. Terdapat sebahagian guru yang menggunakan dialek dalam pembelajaran bahasa Melayu kerana berpendapat murid lebih selesa dan lebih mudah memahami topik pembelajaran yang diajarkan oleh guru. Menurut Atika et al. (2021), kemampuan masyarakat Malaysia menguasai lebih daripada satu bahasa merupakan suatu keunikan yang tidak boleh dielakkan. Namun,

penggunaan dua bahasa di dalam bilik darjah khususnya bukan suatu perkara asing lagi dalam kalangan guru. Situasi ini sedikit sebanyak memberikan kesan yang kurang baik terhadap sistem pendidikan negara kerana risiko situasi pertukaran kod ketika berkomunikasi boleh berlaku. Sungguhpun demikian, masih ada guru yang sedar akan kepentingan penggunaan bahasa yang betul dan tepat ketika menyampaikan pengajaran dan peka dengan keperluan penggunaan bahasa Melayu standard dengan dialek di dalam kelas.

Bagi segelintir guru yang kurang cakna dengan keadaan ini, mereka perlu maklum bahawa keselesaan tersebut boleh menyebabkan murid gagal menguasai bahasa Melayu Standard dengan betul disebabkan keselesaan bertutur dengan menggunakan dialek. Berdasarkan masalah yang dinyatakan, maka kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti kosa kata yang dituturkan dengan menggunakan dialek Kelantan oleh murid dalam proses pembelajaran mata pelajaran Bahasa Melayu berdasarkan perubahan fonologi dan menghuraikan faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan dialek Kelantan dalam kalangan murid.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah untuk:

1. Mengenal pasti kosa kata dialek Kelantan yang dituturkan oleh murid dalam proses PdP mata pelajaran
2. Menghuraikan faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan dialek Kelantan dalam kalangan murid.

KAEDAH KAJIAN

Kajian ini merupakan suatu kajian tinjauan yang menggunakan kaedah kualitatif dan kuantitatif. Terdapat dua kaedah yang digunakan dalam mengumpul data, iaitu kaedah kepustakaan dan pemerhatian. Kaedah kepustakaan dilakukan dengan merujuk sumber bertulis sama ada secara bercetak atau dalam talian seperti buku, artikel ilmiah, jurnal, tesis, kertas seminar dan sebagainya. Kaedah ini membantu mengenal pasti kelompongan yang mendorong pembentukan permasalahan kajian, objektif kajian serta sebagai tambahan terhadap sebarang maklumat yang berkaitan dengan isu yang dikaji. Kaedah pemerhatian yang digunakan pula ialah kaedah pemerhatian turut serta, iaitu pengkaji pergi ke Sekolah Menengah

Kebangsaan (SMK) Sultan Ibrahim Dua di Kelantan untuk memperoleh data dengan membuat rakaman audio semasa proses PdP bahasa Melayu berlangsung bagi melihat kosa kata dialek Kelantan yang dituturkan oleh murid semasa sesi pembelajaran tersebut. Kaedah ini dilakukan memandangkan pengkaji terlibat sebagai guru pelatih bahasa Melayu di sekolah berkenaan.

Pengkaji telah mengambil kira garis panduan pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) berkaitan dengan “*Penglibatan pemerhatian serta rakaman video terhadap aktiviti pengajaran dan pembelajaran murid di dalam bilik darjah tidak dibenarkan*”. Justeru, pengkaji melakukan kaedah pemerhatian dengan

memohon kebenaran daripada pengetua sekolah dan guru bahasa Melayu Tingkatan 3 untuk melibatkan murid dalam kajian ini. Kemudian, pengkaji memaklumkan kepada pengetua dan guru bahawa alat perakam audio akan ditinggalkan di dalam bilik darjah untuk merakam ujaran lisan murid sepanjang sesi pengajaran dan pembelajaran berlangsung. Setelah selesai sesi PdP, alat perakam audio akan diambil semula dan rakaman audio yang diperoleh akan dianalisis.

Responden kajian ini merupakan lapan orang murid Tingkatan 3 di SMK Sultan Ibrahim Dua. Bagi kajian ini, pengkaji menggunakan rakaman audio dan borang soal selidik sebagai instrumen kajian. Semasa sesi PdP, murid diarahkan untuk membuat pembentangan berkaitan beberapa topik yang diberikan oleh guru berdasarkan tema yang terdapat dalam buku teks antaranya faktor kemalangan jalan raya,

faedah berjimat cermat, kebaikan dan keburukan penggunaan Internet, kebaikan amalan membaca, dan faedah-faedah bersukan.

Pembentangan perlu dilakukan dengan menggunakan bahasa Melayu standard. Ketika pembentangan, alat perakam audio digunakan untuk merakam hasil ujaran murid. Data yang diperoleh daripada rakaman audio pembelajaran tersebut ditranskripsi satu persatu secara fonemik dan fonetik bagi menjawab objektif pertama, iaitu untuk mengenal pasti kosa kata yang dituturkan dengan menggunakan dialek Kelantan. Bagi objektif kedua pula, pengkaji menggunakan borang soal selidik, iaitu responden perlu menjawab borang soal selidik berkaitan faktor pengaruh dialek Kelantan dalam kalangan murid dan jawapan tersebut akan dianalisis secara deskriptif bagi menjawab objektif kajian.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Bahagian ini membincangkan analisis bagi kedua-dua objektif kajian yang dijalankan. Perbincangan dilakukan satu persatu

mengikut pembahagian objektif supaya analisis yang dibincangkan lebih mudah difahami.

Objektif 1: Kosa Kata Dialek Kelantan yang Dituturkan Murid dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran Mata Pelajaran Bahasa Melayu Berdasarkan Perubahan Fonologi

Dalam audio yang ditranskripsi, terdapat tujuh pola bunyi kosa kata yang berlaku terhadap kosa kata dialek Kelantan yang dituturkan oleh murid Tingkatan 3 semasa proses PdP mata pelajaran Bahasa Melayu dan pembahagian tersebut dikelaskan berdasarkan perubahan fonologi yang berlaku. Data ini diperoleh semasa murid melakukan pembentangan berdasarkan tema yang terdapat dalam buku teks, iaitu faktor kemalangan jalan raya, faedah berjimat

cermat, kebaikan dan keburukan penggunaan Internet, kebaikan amalan membaca, dan faedah-faedah bersukan. Semasa pembentangan, pengkaji membuat rakaman audio bagi merakam kosa kata dialek Kelantan yang dituturkan murid. Berikut merupakan antara kosa kata yang dituturkan dengan menggunakan dialek Kelantan oleh murid Tingkatan 3 berdasarkan perubahan fonologi tertentu semasa sesi pembentangan yang dijalankan:

Pembundaran Vokal

Rumus: a → ɔ / _____ (k) #

Rumus di atas menjelaskan vokal /a/ akan berubah kepada vokal [ɔ] apabila berada di akhir kata sama ada yang diikuti

oleh konsonan atau tidak diikuti oleh konsonan. Berikut adalah contoh kosa kata yang dituturkan murid semasa pembentangan:

JADUAL 1: Kosa kata yang mengalami perubahan vokal /a/ kepada [ɔ] di akhir kata

Bentuk Ejaan	Bahasa Melayu Standard (Fonemik)	Dialek Kelantan (Fonetik)	Responden
ada	/ada/	[adɔ]	R1, R8
baca	/baʃ'a/	[baʃɔ]	R3
belanja	/bələndʒə/	[bələndʒɔ]	R8
bila	/bila/	[bilɔ]	R6
dia	/dia/	[dijɔ]	R1, R3, R4, R6
guna	/guna/	[gunɔ]	R2
kena	/kəna/	[kənɔ]	R2, R6
kita	/kita/	[kitɔ]	R1, R7, R8
masa	/masa/	[māsɔ]	R2, R3, R6, R7, R8
muda	/muda/	[mūdɔ]	R2
rasa	/rasa/	[yaso]	R8
saya	/saia/	[sajɔ]	R6
anak-anak	/anak - anak/	[anɔʔ-anɔʔ?]	R8
banyak	/bajnak/	[bajɔʔ?]	R1, R2, R3, R4, R5
mak	/mak/	[mɔʔ?]	R2
mudah	/mudah/	[mūdɔh]	R4
nak	/nak/	[nɔʔ?]	R2, R6, R8

Bagi menghasilkan vokal rendah /a/, kedudukan depan lidah diturunkan serendah-serendahnya manakala vokal [ɔ] pula dihasilkan dengan belakang lidah dinaikkan separuh luas ke arah lelangit lembut. Dalam dialek Kelantan, vokal /a/ direalisasikan sebagai vokal [ɔ] di akhir kata kerana penutur dialek Kelantan telah mengubah alat artikulasi daripada kedudukan depan lidah

berada di posisi rendah berubah kepada kedudukan belakang lidah dinaikkan separuh rendah ke arah lelangit lembut.

Berdasarkan Jadual 1, contoh kosa kata yang mengalami perubahan vokal /a/ kepada vokal [ɔ] di suku kata akhir terbuka KV seperti perkataan /ada/ diujarkan sebagai [adɔ] dan di suku kata akhir tertutup KVK perkataan mudah diujarkan sebagai [mūdɔh].

Peninggian Vokal

Rumus: a → ε / _____ [+ nasal] #

Rumus di atas menjelaskan bahawa vokal /a/ berubah kepada vokal [ε] apabila berada di akhir kata yang diikuti oleh konsonan nasal

kerana mengalami proses peninggian vokal. Berikut adalah contoh kosa kata yang dituturkan murid semasa pembentangan:

JADUAL 2: Kosa kata yang mengalami perubahan vokal /a/ kepada vokal [ε] di akhir kata

Bentuk Ejaan	Bahasa Melayu Standard (Fonemik)	Dialek Kelantan (Fonetik)	Responden
akan	/akan/	[ake]	R4, R8
amalan	/amalan/	[amāle]	R3
buang	/buang/	[buwɛ]	R7
bukan	/bukan/	[buke]	R1
bulan	/bulan/	[bulɛ]	R2, R8
cabaran	/tʃabaran/	[tʃabaye]	R5
dalam	/dalam/	[dale]	R1, R8
depan	/dəpan/	[dəpe]	R8
jalan	/dʒalan/	[dʒale]	R1, R6
jangan	/dʒanjan/	[dʒanɛ̃]	R2
kecemasan	/kəʃəmasan/	[kəʃəmāse]	R2
kemalangan	/kəmalajan/	[kəmālanɛ̃]	R1, R6
kesimpulan	/kəsimpulan/	[kəsimpile]	R2
kurang	/kurang/	[kuyɛ̃]	R1
lapan	/lapan/	[lapsɛ̃]	R6
makan	/makan/	[māke]	R2
panjang	/pandʒan/	[pandʒɛ̃]	R8

Dalam dialek Kelantan, vokal /a/ direalisasikan sebagai vokal [ɛ] apabila berada di akhir kata kerana vokal rendah /a/ tidak dapat mengekalkan nilai bunyinya apabila berada di akhir kata yang diikuti oleh konsonan nasal. Hal ini dikatakan demikian kerana vokal tersebut akan direalisasikan kepada vokal depan separuh luas [ɛ] yang akan mengubah bunyi /a/ kepada [ɛ]. Dalam dialek Kelantan, vokal /a/ direalisasikan sebagai vokal [ɛ] di akhir kata kerana penutur dialek Kelantan telah mengubah alat artikulasinya daripada kedudukan lidah berada diposisi lantai mulut berubah ke tengah rongga mulut setelah dinaikkan separuh rendah.

Perkara selari dengan pandangan Nur Farakhanna (2015) yang mengatakan bahawa dari segi fonetik vokal /a/ dihasilkan dengan kedudukan lidah diturunkan serendah-rendahnya manakala vokal [ɛ] lidah adalah pada kedudukan tinggi sedikit daripada /a/. Oleh itu, dalam dialek Kelantan vokal /a/ hadir di akhir kata akan berubah menjadi [ɛ] apabila diikuti oleh konsonan nasal /n/, /m/, /ŋ/ selepas vokal tersebut.

Berdasarkan Jadual 2, contoh kosa kata yang mengubah vokal /a/ kepada vokal [ɛ] di akhir kata apabila diikuti oleh konsonan sengauan /n/, /m/, /ŋ/ ialah perkataan /akan/ diujarkan sebagai [akɛ], perkataan /amalan/ diujarkan [amālɛ] dan perkataan /dalam/ diujarkan sebagai [dalɛ].

Pengguguran Getaran

Rumus: r →	Ø / _____ #
-------------------	--------------------

Rumus di atas menjelaskan bahawa konsonan /r/ akan digugurkan apabila berada

di akhir kata. Berikut adalah contoh kosa kata yang dituturkan murid semasa pembentangan:

JADUAL 3: Kosa kata yang mengalami pengguguran konsonan /r/

Bentuk Ejaan	Bahasa Melayu Standard (Fonemik)	Dialek Kelantan (Fonetik)	Responden
bayar	/baiar/	[baja]	R2
belajar	/bəladʒər/	[bladʒa]	R8
berlubang	/bərlubəŋ/	[blube]	R1, R6
bertambah	/bərtambah/	[bətambəh]	R8
kereta	/kəreta/	[keto]	R1, R6
kerja	/kərdʒə/	[kidʒo]	R6
langgar	/laŋgar/	[laŋga]	R6
nombor	/nombor/	[nõmbo]	R1, R8

Berdasarkan data, kebanyakan konsonan /r/ mengalami pengguguran di tengah dan akhir kata. Contoh data dalam jadual di atas yang mengalami pengguguran /r/ seperti perkataan /baiar/ diujarkan sebagai [baja], perkataan /bəladʒər/ diujarkan sebagai [bladʒa] dan perkataan /laŋgar/ diujarkan sebagai [laŋga]. Pengguguran konsonan /r/ di akhir kata merupakan suatu proses fonologi yang alamiah (natural). Maka, berdasarkan faktor ini, penutur lebih cenderung menggugurkan konsonan /r/ di akhir kata dan mengubah struktur suku kata menjadi KV.

Nur Farakhanna et al. (2022) menyatakan bahawa dalam bahasa tidak

formal atau tidak baku seperti dialek, penutur cenderung menggugurkan konsonan /r/. Dari segi fonetik, penutur tidak perlu menggetarkan lidah bagi menghasilkan bunyi /r/ agar memudahkan ujarannya dengan mengurangkan proses artikulasi. Proses ini bertepatan dengan prinsip *ease of articulation atau economy of effort* yang dinyatakan oleh Asmah (1995) dan Hyman (1975) bertujuan memudahkan kelancaran sebutan. Faktor ini merupakan salah satu sebab penutur dialek Kelantan menggugurkan bunyi /r/ semasa bertutur.

Pengglotisan Geseran

Rumus: s →	h / _____ #
-------------------	--------------------

Rumus di atas menjelaskan dalam dialek Kelantan kosonan /s/ berubah kepada

konsonan [h] apabila berada di akhir kata. Berikut adalah contoh kosa kata yang dituturkan murid semasa pembentangan:

JADUAL 4: Kosa kata yang mengalami perubahan konsonan /s/ kepada konsonan [h] di akhir kata

Bentuk Ejaan	Bahasa Melayu Standard (Fonetik)	Dialek Kelantan (Fonetik)	Responden
atas	/atas/	[atah]	R6
boros	/boros/	[boŋɔh]	R2, R8
lepas	/lepas/	[ləpah]	R5

Proses fonologi dialek Kelantan telah memperlihatkan fenomena pengglotisian konsonan geseran alveolar /s/ kepada [h] di akhir kata. Fenomena ini merupakan suatu proses fonologi yang alamiah dan bersifat sejagat kerana perubahan tersebut turut berlaku dalam kebanyakan bahasa lain di dunia seperti yang dijelaskan dalam kajian McCarthy (1988), Clements dan Hume (1995) dan O'Brien (2012). Perubahan ini juga dikenali sebagai debukalisasi (*debuccalisation*) atau proses mengenyahkan fitur daerah bagi sesuatu segmen bunyi (Adi Yasran Abdul Aziz, 2012). Menurut Adi Yasran et al. (2014), perubahan kosonan /s/ kepada konsonan [h] berlaku akibat gerakan terhadap alat ujaran penutur dari alveolar atau gigi gusi bagi bunyi /s/ ke pita suara yang menghasilkan bunyi glotis [h].

Menurut Rohani dan Noriah (2006), kehadiran konsonan [h] di akhir kata lebih kerap berbanding di posisi lain selain bertujuan menggantikan ciri-ciri distingif tertentu. Konsonan [h] lebih kerap digunakan

berbanding konsonan /s/ kerana mengikut fonetik konsonan [h] ini lebih mudah untuk diujarkan berbanding /s/. Oleh sebab itu, dalam dialek kelantan, penutur akan menukar konsonan /s/ kepada [h] terutama di akhir kata bagi memudahkan mereka mengujarkan perkataan tersebut. Perkara ini selari dengan pandangan Menurut Asmah (1995), perubahan yang berlaku adalah disebabkan hakikat penutur yang cenderung ke arah penjimatan usaha (*economy of effort*) yang bertujuan memudahkan ujaran.

Berdasarkan contoh data di atas, dilihat bahawa dalam dialek Kelantan konsonan /s/ telah berubah menjadi [h] di akhir kata seperti perkataan /atas/ diujarkan sebagai [atah] dan perkataan /lepas/ diujarkan sebagai [ləpah]. Oleh itu, jelaslah bahawa pelaksanaan rumus pengglotisian geseran menyebabkan konsonan /s/ di akhir kata direalisasikan kepada konsonan [h] di akhir kata dalam dialek Kelantan.

Pengglotisan Konsonan Letupan Tak Bersuara

$$\text{Rumus: } \{\mathbf{p}, \mathbf{t}, \mathbf{k}\} \longrightarrow ? / _ \#$$

Rumus di atas menunjukkan konsonan /p/, /t/, /k/ direalisasikan sebagai hentian glotis [?] apabila berada di akhir suku kata tertutup

dalam dialek Kelantan. Berikut adalah contoh kosa kata yang dituturkan murid semasa pembentangan:

JADUAL 5: Kosa kata yang mengalami perubahan konsonan /p/, /t/ dan /k/ kepada [?]

Konsonan	Bentuk Ejaan	Bahasa Melayu Standard (Fonetik)	Dialek Kelantan (Fonetik)	Responden
p	setiap	/sətiap/	[sətija?]	R2, R8
t	buat	/buat/	[buwa?]	R8
	catat	/ʃatat/	[ʃata?]	R8
	duit	/duit/	[duwi?]	R2, R8
	dapat	/dapat/	[dapa?]	R8, R2
	ikut	/ikut/	[iku?]	R2
	sangat	/saŋat/	[saŋā?]	R6
	tunggak	/tunŋak/	[tuŋgo?]	R2

k	banyak	/banyak/	[baŋ᷑?] [baŋ᷑?]	R1, R2, R3, R4, R5
	budak-budak	/budak-budak/	[buð᷑?-buð᷑?]	R8
	nak	/nak/	[n᷑?]	R2, R6, R8
	tak	/tak/	[t᷑?]	R1, R5, R6, R7, R8

Menurut Nur Farahkhanna (2019), proses debukalisasi berlaku apabila konsonan /p, t, k/ kehilangan artikulasi oral dan menyebabkannya direalisasikan sebagai bunyi glotis [?]. Hal ini turut dijelaskan oleh O' Brien (2012), proses debukalisasi akan menyebabkan suatu konsonan kehilangan daerah artikulasi oral dan menyebabkan konsonana /p, t, k/ direalisasikan sebagai konsonan hentian glotis [?]. Berdasarkan data di atas, konsonan /p, t, k/ dalam dialek Kelantan mengalami perubahan kepada [?] di

akhir kata. Contoh konsonan /p/ yang menjadi glotis di akhir kata seperti perkataan /sətiap/ diujarkan sebagai [sətija?]. Konsonan /t/ yang menjadi glotis di akhir kata seperti perkataan /buat/ diujarkan sebagai [buwa?] dan konsonan /k/ yang menjadi glotis di akhir kata dalam dialek Kelantan seperti perkataan /banyak/ diujarkan sebagai [baŋ᷑?].

Pengguguran Nasal

$$\text{Rumus: } \mathbf{n} \longrightarrow \emptyset / \underline{\quad} \#$$

Rumus di atas menjelaskan berkaitan proses pengguguran nasal, iaitu pengguguran konsonan nasal /m/, /n/, /ŋ/ dan /p/ di akhir

kata. Berikut adalah contoh kosa kata yang dituturkan murid semasa pembentangan:

JADUAL 6: Kosa kata yang mengalami pengguguran nasal

Bentuk Ejaan	Bahasa Melayu Standard (Fonemik)	Dialek Kelantan (Fonetik)	Responden
keburukan	/kə+ buruk -an/	[kəbuŋukə]	R4
makanan	/makan -an/	[mākenə̃]	R5
melahirkan	/mə+ lahir -kan/	[məlahirke]	R3
menambahkan	/mə+ nambah -kan/	[mənambahhə̃]	R3
menjalankan	/mən+ dʒalan -kan/	[məndʒaleke]	R6
menjejaskan	/mən+ dʒədʒas -kan/	[məndʒədʒaskə]	R1
menyebabkan	/mənəbab -kan/	[mənəba?ke]	R1, R4, R6
menyusahkan	/mənusah -kan/	[mənūshə̃]	R4, R6, R8
pemanduan	/pəmandu -an/	[pəmānduwə̃]	R1
tekanan	/təkan -an/	[təkanə̃]	R8

Berdasarkan data yang diperoleh, pengguguran nasal dental /n/ berlaku di akhir kata. Sebagai contoh, perkataan /kə+ buruk -an/ diujarkan sebagai [kəbuŋukə], perkataan /makan -an/ diujarkan sebagai [mākenə̃] dan perkataan /mən+ dʒalan -kan/ diujarkan sebagai [məndʒaleke]. Jika diteliti dalam

dialek Kelantan, apabila konsonan nasal digugurkan, vokal rendah /a/ yang berada sebelum konsonan nasal akan direalisasikan sebagai vokal separuh luas [ɛ] seperti yang terdapat dalam jadual data di atas (rujuk subtopik bagi rumus perubahan /a/ kepada [ɛ]).

Perubahan Kata

Data dalam Jadual 7 menunjukkan bahawa terdapat sesetengah kosa kata bahasa Melayu Standard yang mengalami perubahan kata apabila diujarkan dalam dialek Kelantan. Menurut Nik Safiah dan Rozita (2016), kosa kata dialek Kelantan yang mempunyai perubahan kata dengan bahasa Melayu Standard dikenali sebagai perkataan dan ungkapan yang bersifat ekskusif. Hal ini dikatakan demikian kerana perkataan dan

ungkapan tersebut hanya digunakan oleh penutur Kelantan sahaja atau perkataan tersebut hanya difahami oleh penutur Kelantan sahaja dan tidak terdapat dalam bahasa Melayu Standard atau dialek-dialek lain. Ungkapan khusus ini menjadi satu keistimewaan dalam dialek Kelantan kerana ia mempunyai kelainan dari segi kata yang diujarkan. Sebagai contoh perubahan kata antara bahasa Melayu Standard dengan

dialek Kelantan dapat dilihat seperti perkataan /bagi/ dalam bahasa Melayu Standard diujarkan sebagai [buwi] dalam dialek Kelantan. Begitu juga perkataan /ʃakap/ dalam bahasa Melayu Standard

diujarkan sebagai [yɔja?] dan perkataan /kəluar/ diujarkan sebagai [tube?].

JADUAL 7: Kosa kata yang mengalami perubahan kata

Bentuk Ejaan	Bahasa Melayu Standard (Fonemik)	Dialek Kelantan (Fonetik)	Responden
bagi	/bagi/	[buwi]	R1
berdebar	/bərdəbar/	[nāliŋ]	R6
cakap	/ʃakap/	[yɔja?]	R6
keluar	/kəluar/	[tube?]	R8
pandang	/pandanj/	[kəlih]	R6
rosak	/rosak/	[punðh]	R1
sekarang	/səkaranj/	[lənī]	R2
semakin	/səmakin/	[kəhə]	R1
tidak	/tidak/	[dɔ?]	R1
yang	/iaŋ/	[hɔ?]	R1, R2, R5, R7, R8

Berdasarkan perbincangan, hasil pembentangan yang dilakukan menunjukkan responden telah menuturkan beberapa kosa kata dalam dialek Kelantan walaupun arahan meminta mereka menggunakan bahasa Melayu ketika berkomunikasi di dalam kelas. Dalam hal ini, terdapat tujuh pola bunyi kosa kata yang dituturkan dalam dialek Kelantan dan ia ditentukan berdasarkan jenis-jenis perubahan fonologi yang berlaku dalam ujaran responden. Perubahan fonologi

tersebut ialah (a) pembundaran vokal /a/ kepada [ə]; (b) peninggian vokal /a/ kepada [ɛ]; (c) pengguguran getaran /r/; (d) pengglotisian geseran /s/ kepada [h]; (e) pengglotisian konsonan letutan tak bersuara /p/, /t/, /k/ kepada hentian glotis [?]; (f) pengguguran konsonan nasal /m/, /n/, /ŋ/ dan /ɲ/; dan (g) perubahan kata. Semua perubahan tersebut telah dinyatakan formalisasi rumusnya berserta contoh-contoh kosa kata yang berkaitan.

Objektif 2: Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Penggunaan Dialek Kelantan dalam Kalangan Murid di Sekolah Menengah

Bahagian ini akan menjelaskan faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan dialek Kelantan dalam kalangan murid sekolah menengah dalam proses PdP bahasa Melayu. Berdasarkan borang soal selidik, terdapat

tiga faktor yang mempengaruhi penggunaan dialek Kelantan dalam kalangan murid, iaitu faktor keselesaan berkomunikasi, faktor keyakinan dan masalah penguasaan bahasa Melayu Standard.

Keselesaan Berkomunikasi

Analisis borang soal selidik yang diedarkan kepada murid menunjukkan faktor keselesaan berkomunikasi memainkan

peranan penting terhadap penggunaan dialek Kelantan dalam proses PdP seperti yang dijelaskan dalam data berikut:

Soalan 1: Saya lebih suka menggunakan dialek ketika berkomunikasi dengan rakan-rakan di dalam kelas.

JADUAL 8: Respons bagi soalan “Saya lebih suka menggunakan dialek ketika berkomunikasi dengan rakan-rakan di dalam kelas”

Skala	Kekerapan (orang)
Ya	8
Tidak	0
Jumlah	8

Jadual 8 menunjukkan bilangan bilangan kekerapan murid yang lebih suka

menggunakan dialek ketika berkomunikasi dengan rakan-rakan di dalam kelas. Semua

murid, iaitu lapan orang murid memilih untuk menggunakan dialek semasa berkomunikasi kerana mereka telah terbiasa menggunakan dialek Kelantan dalam komunikasi sehari-hari sejak mereka kecil lagi. Penggunaan dialek membolehkan komunikasi dua hala menjadi lebih berkesan kerana mereka dapat memahami maklumat yang disampaikan dengan jelas. Penggunaan dialek di dalam kelas juga dianggap mewujudkan komunikasi yang lebih mesra kepada murid. Kenyataan ini sejajar dengan ciri-ciri Teori Identiti Sosial. Menurut Worchel et al. (1998), individu akan mudah tertarik dengan kelompok sosial yang memiliki ciri-ciri persamaan dengan identiti sosialnya. Hal ini bermaksud, murid akan berasa lebih selesa untuk berkomunikasi dengan rakan-rakan yang juga menggunakan dialek Kelantan sebagai bahasa utama semasa berkomunikasi.

Bagi Nur Azuki dan Khuzaïton (2018), loghat Kelantan merupakan pemangkin jati diri rakyat Kelantan. Kerakyatan mereka boleh dipertikaikan dan dipersoalkan jika

rakyat Kelantan tidak bertutur menggunakan loghat Kelantan. Berdasarkan pernyataan ini, jelas bahawa jati diri sebagai rakyat Kelantan yang kuat merupakan antara faktor utama murid bertutur menggunakan dialek Kelantan dalam komunikasi sehari-hari, termasuklah di institusi pendidikan.

Nur Azuki dan Khuzaïton (2018) menambah selain dialek Kelantan menjadi simbol perpaduan masyarakat Kelantan dan dialeknya yang mudah dikuasai dan dipelajari, terdapat juga polisi di Kelantan yang membenarkan penggunaan dialek tersebut digunakan secara meluas dan menyeluruh di Kelantan termasuklah di papan tanda iklan dan penjenamaan sesuatu produk.

Jelas bahawa bahasa yang digunakan secara tradisi turun temurun menjadi pilihan dalam kalangan pelajar untuk berkomunikasi di dalam kelas ketika dalam proses PdP bahasa Melayu di dalam kelas.

Soalan 2: Saya lebih suka menggunakan dialek ketika berkomunikasi dengan guru

JADUAL 9: Respons bagi soalan “*Saya lebih suka menggunakan dialek ketika berkomunikasi dengan guru*”

Skala	Kekerapan (orang)
Ya	7
Tidak	1
Jumlah	8

Jadual 9 menunjukkan bilangan kekerapan murid yang lebih suka menggunakan dialek ketika berkomunikasi dengan guru. Seramai tujuh orang murid lebih suka menggunakan dialek ketika berkomunikasi dengan guru manakala seorang murid lagi tidak menggunakan dialek semasa berkomunikasi dengan guru. Hasil dapatan yang diperoleh menunjukkan ramai murid yang lebih suka menggunakan dialek Kelantan semasa berkomunikasi dengan guru kerana mereka berasa lebih mesra dengan guru ketika belajar. Contohnya, murid mudah bertanya soalan kepada guru sekiranya mereka kurang faham terhadap sesuatu topik yang dipelajari.

Perkara ini turut disokong oleh Mohammad Shahrul Nizam dan Muhammad Zaid (2018) yang mengatakan bahawa bertutur dengan menggunakan dialek dapat mewujudkan suasana kemesraan antara penutur dan pendengar. Tambahan lagi,

keselesaan murid semasa proses komunikasi di dalam kelas harus diutamakan agar proses interaksi antara murid dengan guru menjadi lebih berkesan. Oleh sebab itu, keselesaan berkomunikasi merupakan antara faktor yang menyebabkan murid gemar menggunakan dialek dalam proses PdP di dalam kelas. Menurut Nuradlin Syafini dan Zaleha (2021), dialek merupakan salah satu pemangkin kepada kefahaman dan kecemerlangan murid semasa proses PdP di sekolah. Soal selidik bersama guru yang ditranskripsi dalam kajian tersebut menunjukkan bahawa pemahaman pelajar tentang mata pelajaran dalam proses pembelajaran lebih diutamakan supaya mesej dalam komunikasi menjadi lebih berkesan.

Oleh sebab itu dialek Kelantan telah digunakan untuk membantu proses komunikasi antara murid dengan guru semasa proses PdP di dalam kelas.

Soalan 3: Guru saya juga sering menggunakan dialek semasa mengajar kerana saya lebih faham apabila guru bercakap menggunakan dialek.

JADUAL 10: Respons bagi soalan “Guru saya juga sering menggunakan dialek semasa mengajar kerana saya lebih faham apabila guru bercakap menggunakan dialek”

Skala	Kekerapan (orang)
Ya	7
Tidak	1
Jumlah	8

Berdasarkan Jadual 10, seramai tuju orang murid yang lebih memahami topik pembelajaran yang disampaikan oleh guru apabila guru menggunakan dialek semasa mengajar, manakala seorang murid lagi murid menyatakan bahawa beliau kurang memahami topik pembelajaran yang diajar oleh guru apabila guru bertutur menggunakan dialek semasa mengajar. Melalui hasil daptan yang diperoleh, ramai murid yang lebih memahami topik pembelajaran yang diajar oleh guru sekiranya guru menggunakan dialek semasa mengajar. Dalam sesi PdP, guru menggunakan dialek bagi memastikan semua murid dapat memahami maklumat yang di sampaikan oleh guru. Penerangan yang diberikan oleh guru dengan menggunakan dialek adalah lebih jelas dan mudah untuk difahami oleh murid. Dalam situasi ini, sekiranya guru menggunakan bahasa Melayu Standard semasa mengajar, murid tidak dapat memahami sepenuhnya percakapan guru.

Menurut Yahya dan Muhamad Shahabudin (2010), proses komunikasi tidak dapat berjalan dengan baik sekiranya mesej yang dihantar tidak dapat difahami oleh pihak lain.

Dalam kajian Nuradlin Syafini Nawi dan Zaleha Embong (2020), penggunaan dialek dalam pembelajaran telah berjaya memberi kefahaman yang mendalam kepada murid untuk memahami sesuatu mata pelajaran dengan lebih baik dan berkesan. Guru menggunakan dialek Kelantan semasa mengajar kerana dialek menyebabkan murid lebih memahami maklumat yang disampaikan oleh guru. Proses pembelajaran juga dapat berjalan dengan lancar kerana murid dapat memberikan perhatian sepenuhnya tanpa sebarang gangguan bahasa.

Jelaslah bahawa, penggunaan dialek dilihat memainkan peranan yang penting dalam mewujudkan komunikasi berkesan antara murid dengan guru semasa sesi PdP bahasa Melayu di dalam kelas.

Keyakinan

Soalan 1: Saya kurang yakin untuk bercakap menggunakan bahasa Melayu Standard semasa berkomunikasi di dalam kelas.

JADUAL 11: Respons bagi soalan “Saya kurang yakin untuk bercakap menggunakan bahasa Melayu Standard semasa berkomunikasi di dalam kelas”

Skala	Kekerapan (orang)
Ya	7
Tidak	1
Jumlah	8

Data dalam Jadual 11 menunjukkan tujuh orang murid yang kurang yakin untuk bercakap menggunakan bahasa Melayu Standard semasa berkomunikasi di dalam kelas, manakala bakinya, iaitu seorang menyatakan keyakinannya untuk bercakap dalam bahasa Melayu Standard semasa berkomunikasi di dalam kelas. Berdasarkan data, ramai murid cenderung menggunakan dialek semasa di dalam kelas kerana mereka tidak yakin bercakap menggunakan bahasa Melayu Standard. Hal ini seperti yang dinyatakan dalam kajian Siti Rahimah et al. (2017) yang berpendapat bahawa

penggunaan dialek dalam komunikasi seharian boleh mendorong kepada kemerosotan tahap keyakinan diri seseorang untuk berkomunikasi dalam bahasa Melayu.

Murid kurang yakin menggunakan bahasa Melayu kerana mereka kurang mahir menukar kod bahasa dan membuang lengkok dialek Kelantan secara langsung atau tidak langsung semasa berkomunikasi. Perkara ini menimbulkan rasa segan, malu janggal dan tidak yakin dalam diri mereka untuk bertutur menggunakan bahasa Melayu kerana bimbang dengan pandangan dan ejekan daripada orang sekeliling jika tersalah cakap.

Murid kurang yakin berkomunikasi dengan menggunakan bahasa Melayu kerana mereka takut digelar sebagai orang yang melupakan jati diri atau asal usul apabila cuba untuk menggunakan bahasa Melayu Standard. Hal ini dikatakan demikian kerana dialek merupakan bahasa ibunda yang telah digunakan sejak kecil. Malah, Nur Azuki dan Khuzaion (2018) menyatakan bahawa kerakyatan mereka boleh dipertikaikan dan dipersoalkan jika rakyat Kelantan tidak

bertutur menggunakan loghat Kelantan.

Oleh sebab itu, data menunjukkan tujuh daripada lapan orang murid berasa kurang yakin untuk bertutur menggunakan bahasa atau dialek yang bukan merupakan kebiasaan sehari-harian mereka termasuklah bahasa Melayu Standard walaupun untuk tujuan PdP di dalam bilik darjah.

Soalan 2: Penggunaan dialek membuatkan saya lebih berani berkomunikasi di dalam kelas.

JADUAL 12: Respons bagi soalan “*Penggunaan dialek membuatkan saya lebih berani berkomunikasi di dalam kelas*”

Skala	Kekerapan (orang)
Ya	8
Tidak	0
Jumlah	8

Berdasarkan data, kelapan-lapan responden menyatakan bahawa mereka lebih berani berkomunikasi di dalam kelas apabila menggunakan dialek. Hal ini bermakna murid lebih yakin bercakap menggunakan dialek Kelantan berbanding bahasa Melayu ketika proses PdP. Dapatkan kajian ini disokong oleh Nuradlin Syafini dan Zaleha (2020) yang mengatakan bahawa para murid tampil berkeyakinan tinggi ketika berkomunikasi dengan menggunakan dialek kerana ia merupakan bahasa ibunda yang telah digunakan sejak kecil yang menunjukkan jati diri dan difahami oleh semua masyarakat Kelantan.

Menurut Nur Azuki dan Khuzaion (2018), penggunaan dialek Kelantan atau loghat Kelantan telah menjadi pemangkin kepada peningkatan keyakinan diri seseorang. Hal ini dikatakan demikian kerana, sekiranya murid tidak yakin untuk

menggunakan bahasa Melayu Standard, mereka akan menggunakan dialek bagi tidak menunjukkan kelemahan mereka. Sebagai contoh, ketika melakukan pembentangan, terdapat murid yang berasa bangga dapat menyampaikan maklumat di hadapan khalayak dengan yakin apabila menggunakan dialek. Perkara ini seiring dengan Teori Keyakinan Diri (*self-efficacy theory*) yang diutarakan oleh Bandura (1997) yang berpendapat bahawa seseorang mampu mengawal setiap perasaan dalam diri untuk mencapai sesuatu tujuan yang mereka inginkan apabila individu itu mempunyai keyakinan diri yang tinggi.

Oleh itu, penggunaan dialek Kelantan semasa berkomunikasi telah menjadikan murid lebih berani untuk berinteraksi dengan pihak lain. Justeru, perkara ini telah menjadi faktor yang mempengaruhi penggunaan dialek dalam kalangan murid di sekolah.

Soalan 3: Saya lebih bersemangat belajar apabila menggunakan dialek di dalam kelas.

JADUAL 13: Respons bagi soalan “*Saya lebih bersemangat belajar apabila menggunakan dialek di dalam kelas*”

Skala	Kekerapan (orang)
Ya	6
Tidak	2
Jumlah	8

Data dalam Jadual 13 menunjukkan seramai enam orang murid lebih bersemangat untuk belajar apabila menggunakan dialek di dalam kelas, manakala dua orang lagi murid tidak bersemangat untuk belajar apabila

menggunakan dialek di dalam kelas. Murid lebih bersemangat belajar apabila menggunakan dialek kerana mereka lebih mudah memahami sesuatu topik yang dipelajari di dalam kelas. Penggunaan dialek

juga memudahkan murid berinteraksi dan berkomunikasi dengan guru dan rakan-rakan kerana komunikasi mereka difahami oleh masyarakat di sekeliling mereka khususnya komuniti mereka sendiri.

Sebagai contoh, semasa melakukan aktiviti perbincangan dalam kumpulan, murid lebih bersemangat berbincang sesama mereka kerana penggunaan dialek memudahkan komunikasi dan murid dapat berbincang serta berkongsi pandangan dengan aktif. Bukan itu sahaja, penggunaan dialek juga memudahkan murid untuk

bertanyakan soalan sekiranya mereka kurang jelas terhadap topik yang dimuridi. Murid akan berasa lebih bersemangat untuk belajar di dalam kelas apabila mereka dapat menggunakan bahasa ibunda yang sememangnya menjadi bahasa utama mereka dalam komunikasi seharian. Jelaslah bahawa penggunaan dialek Kelantan dalam kalangan murid telah mempengaruhi semangat mereka untuk belajar.

Masalah Penggunaan Bahasa Melayu Standard

Soalan 1: Saya tidak dapat menggunakan bahasa Melayu Standard dengan betul semasa berkomunikasi.

JADUAL 14: Respons bagi soalan “*Saya tidak dapat menggunakan bahasa Melayu Standard dengan betul semasa berkomunikasi*”

Skala	Kekerapan (orang)
Ya	7
Tidak	1
Jumlah	8

Jadual 14 menunjukkan bilangan murid yang tidak dapat menggunakan bahasa Melayu Standard dengan betul semasa berkomunikasi. Seramai tujuh orang murid tidak dapat menggunakan bahasa Melayu Standard dengan betul semasa berkomunikasi, manakala bakinya iaitu seorang murid dapat menggunakan bahasa Melayu Standard dengan betul semasa berkomunikasi. Berdasarkan hasil kajian yang diperoleh, murid sukar berkomunikasi dalam bahasa Melayu Standard dengan betul kerana mereka telah menjadikan dialek Kelantan sebagai bahasa utama dalam komunikasi harian mereka. Hal ini menyebabkan murid mengalami masalah untuk menyingkirkan lenggok dialek

Kelantan dalam percakapan mereka. Hal ini seiring dengan pandangan Nuradlin Syafini dan Zaleha (2020) yang mengatakan bahawa murid yang menggunakan dialek kebiasaannya tidak dapat berkomunikasi dengan baik apabila menggunakan bahasa Melayu Standard kerana mengalami gangguan daripada bunyi lenggok dialek Kelantan itu sendiri.

Oleh sebab itu, murid memilih untuk menggunakan dialek semasa berkomunikasi supaya tidak menampakkan kelemahan mereka ketika bertutur menggunakan bahasa Melayu Standard. Justeru, kegagalan menggunakan bahasa Melayu Standard yang betul telah mendorong murid menggunakan dialek semasa berkomunikasi di sekolah.

Soalan 2: Saya mengambil masa yang lama untuk memahami percakapan individu yang menggunakan bahasa Melayu Standard.

JADUAL 15: Respons bagi soalan “*Saya mengambil masa yang lama untuk memahami percakapan individu yang menggunakan bahasa Melayu Standard*”

Skala	Kekerapan (orang)
Ya	5
Tidak	3
Jumlah	8

Jadual 15 menunjukkan lima orang murid menyatakan mereka mengambil masa yang lama untuk memahami percakapan individu yang menggunakan bahasa Melayu Standard,

manakala tiga orang murid lain adalah sebaliknya. Dalam hal ini, murid menggunakan dialek di dalam kelas kerana mereka sukar memahami kata yang

dituturkan dengan menggunakan bahasa Melayu Standard. Murid mengambil masa yang lama untuk memproses maklumat yang disampaikan dalam bahasa Melayu Standard kerana mereka kurang didedahkan dengan penggunaan kosa kata bahasa Melayu Standard semasa berkomunikasi di rumah. Hal ini menyebabkan murid mengalami masalah menguasai bahasa Melayu Standard. Penguasaan bahasa Melayu Standard amat penting bagi murid kerana bahasa Melayu merupakan bahasa pengantar di sekolah

seperti yang disarankan oleh KPM.

Walau bagaimanapun, masih ramai murid yang menggunakan dialek di dalam kelas kerana mereka kurang memahami kosa kata bahasa Melayu Standard. Oleh sebab itu, masalah penguasaan bahasa Melayu Standard telah memberi pengaruh yang kuat kepada murid untuk menggunakan dialek Kelantan semasa berkomunikasi di sekolah.

KESIMPULAN

Rumusannya, data menunjukkan pengaruh penggunaan dialek Kelantan dalam kalangan murid Tingkatan 3 di SMK Sultan Ibrahim Dua (2) sangat kuat hingga menyukarkan mereka untuk berkomunikasi dengan menggunakan bahasa Melayu standard walaupun dalam konteks pengajaran dan pembelajaran secara formal di dalam kelas. Dalam hal ini, terdapat banyak faktor yang mempengaruhi penggunaan dialek dalam kalangan murid di sekolah menengah seperti faktor keselesaan berkomunikasi, faktor keyakinan dan masalah penguasaan bahasa Melayu Standard. Setiap faktor ini didorong oleh pengaruh penggunaan dialek yang sangat kerap dalam kehidupan seharian dan kebimbangan untuk keluar daripada keselesaan serta kurang keberanian untuk

bertutur dengan menggunakan bahasa Melayu standard.

Umumnya, terdapat banyak manfaat yang akan diperoleh jika murid dapat menguasai bahasa Melayu dengan baik contohnya murid lebih yakin untuk berhadapan dengan masyarakat luar selepas tamat persekolah di peringkat menengah kelak. Penggunaan dialek itu tidak salah, namun ia haruslah digunakan mengikut kesesuaiannya terutama dalam situasi formal.

Oleh yang demikian, kesedaran tentang kepentingan dan keperluan penggunaan bahasa Melayu Standard dalam kalangan murid di sekolah menengah perlu dipertingkatkan untuk kebaikan yang bakal diperoleh murid pada masa hadapan kelak.

RUJUKAN

- Adi Yasran Abdul Aziz. 2012. Analisis koda berdasarkan kekangan dalam dialek Kelantan. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 12(4): 1127-1145.
- Adi Yasran Abdul Aziz, Raja Masittah Raja Ariffin, Mohd Sharifudin Yusop & Nur Farahkhanna Mohd Rusli. 2014. Pengglotisan geseran /s/ dalam Bahasa Kerinci. *GEMA® Online Journal of Language Studies*, 14(3): 225-242.
- Asmah Haji Omar. 1995. *Rekonstruksi Fonologi Bahasa Melayu Induk*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. 2008. *Kaedah Penyelidikan Bahasa di Lapangan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Atika Hassan, Duli Kamit dan Evelyn Bangkang Jawi. 2021. Faktor-faktor yang mempengaruhi pertukaran kod dalam pengajaran guru Bahasa Melayu sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 11(1): 40-56.
- Azrizan Abu Bakar & Karim Harun. 2015. Penggunaan kata ganti nama dialek kelantan dalam aplikasi WhatsApp. *Jurnal Melayu*, 14(2): 291-306.
- Azrizan Abu Bakar & Karim Harun. 2019. Kata-kata Eksklusif Dialek Kelantan dalam Komunikasi Kumpulan WhatsApp. *Journal of Southeast Asia Social Sciences and Humanities*, 89(1): 15-28.
- Bandura, A. 1997. *Self-efficacy: The Exercise of Control*. New York: Freeman.
- Clements, G.N. & Hume, E.V. 1995. The internal organization of speech sounds. In. Goldsmith, J.A. *The Handbook of Phonological Theory*. Virginia: Blackwell.
- Hyman, L.M. 1975. *Phonology: Theory and analysis*. Los Angeles: University of Southern California.
- McCarthy, J. J. (1988). Feature geometry and dependency: A Review. *Phonetica*, 43: 84-108.

- Mohammad Shahrul Nizam Abd Wahid & Muhammad Zaid Daud. 2018. Individu dan pemilihan dialek: Kajian kes di Kota Samarahan, Sarawak. *Multi-Disciplinary Research Journal*, 3(3): 11-21.
- Nik Safah Karim & Rozita Che Rodi. 2016. *Bahasa Melayu Kelantan: Menggali Ilmu Menyusur Warisan. Kelantan: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan*.
- Noor Rohana Mansor, Noraien Mansor & Normaliza Abd Rahim. 2017. *Dialek Melayu Terengganu Persisir Pantai*. Kuala Terengganu: Universiti Malaysia Terengganu.
- Nuradlin Syafini Nawi & Zaleha Embong. 2020. Pengaruh dialek dalam komunikasi terhadap tahap keyakinan diri murid sekolah menengah kebangsaan di Kota Bharu, Kelantan. *Online Journal of Language, Communication, and Humanities*, 3(1): 26-35.
- Nur Azuki Yusuff & Khuazaiton Zakaria. 2018. Loghat Kelantan Pemangkin jati diri rakyat Kelantan: Kelestarian dan pemerksaanannya. *INSANIAH: Online Journal of Language, Communication, and Humanities*, 1(2): 25-39.
- Nur Farahkhanna Mohd Rusli. 2015. Derivasi rumus reduksi vokal dan pembentukan glotis dalam Bahasa Kerinci. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 15(3): 83-97.
- Nur Farahkhanna Mohd Rusli, Norfaizah Jobar & Nur Faaizah Md Adam. 2022. Kesalahan ejaan murid berdasarkan bunyi konsonan dalam ujaran guru: Analisis fonologi generatif. *Issues in Language Studies*, 11(2): 37-60.
- Nur Fatehah Zaini & Nur Farahkhanna Mohd Rusli. 2021. Penggunaan dialek Terengganu dalam Sebutan Bahasa Melayu Standard oleh Bakal Guru Pelatih. Analisis Teori Pembentukan Jati Diri. *E-Proesding Projek Tahun Akhir A201. Universiti Pendidikan Sultan Idris*.
- O'Brien, J. 2012. An experimental approach to debuccalisation & supplementary gestures. Doctoral Dissertation. Santa Cruz: University of California.
- Pramela Krish, Kamisah Osman, Subahan T. & Zanaton Iksan. 2014. Persepsi murid prasiswazah Program Pengajian Bahasa Inggeris mengenai kecekapan kendiri dalam kemahiran kebolehgajian dalam sektor pekerjaan. *Kajian Malaysia: Journal of Malaysian Studies*, 32(2): 93-112.
- Rohani Mohd Yusof & Noriah Mohamed 2006. *Bahasa: Memeluk Akar Menyuluh ke Langit*. dlm. Paitoon M. Chaiyanara et, al (Pynt). Singapura: Universiti Teknologi Nanyang.
- Salinah Jaafar. 2015. Penggunaan bahasa ibunda secara inklusif dalam pendidikan dengan rujukan kepada Bahasa Melayu. *Seminar Sambutan Hari Bahasa Ibunda Antarabangsa*, Kelantan.
- Sapura Dalmi. 2011. *Dialek Kuala Kangsar Sebagai Entri dalam Kamus*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Siti Rahimah Mustaffa, Raja Masittah Raja Ariffin, Adi Yasran Abdul Aziz & Mohd Sharifudin Yusop. 2017. Pelestarian Dialek Kelantan di Besut dan Kaitannya dengan Pembentukan Jati Diri. *Jurnal Bahasa*, 17(1): 145-173.
- Worchel, S., Rothgerber, H., Day, E.A., Hart, D. & Butemeyer, J. 1998. Social identity and individual productivity within groups. *British Journal of Social Psychology*, 37: 389-413.
- Yahya Buntat & Muhamad Shahabudin Hassan. 2010. Kemahiran komunikasi dalam meningkatkan keyakinan diri murid: Satu tinjauan di kalangan Ahli Jawatankuasa Kolej Mahasiswa. Universiti Teknologi Malaysia.